



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**DEWAN RAKYAT LULUSKAN RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG
AMANAH NEGARA 2026, PERKUKUH SIMPANAN ANTARA GENERASI
NEGARA**

Dewan Rakyat semalam meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Kumpulan Wang Amanah Negara 2026, iaitu pembaharuan menyeluruh pertama terhadap Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) sejak penubuhannya pada tahun 1988.

RUU ini memperkukuh KWAN sebagai simpanan antara generasi negara, bagi memastikan rizab kewangan yang berkekalan untuk generasi kini dan masa hadapan.

Pembaharuan yang dibawa dalam RUU ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI untuk memperkukuh pengurusan kewangan awam, memelihara kekayaan negara secara mampan serta memastikan hasil negara hari ini turut memberi manfaat kepada generasi masa hadapan.

Selaras dengan agenda reformasi ekonomi Kerajaan, RUU ini menggariskan pembaharuan penting bagi memperkukuh tadbir urus, disiplin fiskal dan daya tahan kewangan negara demi kepentingan rakyat serta generasi masa hadapan.

Melalui RUU ini, cadangan penubuhan sebuah **Kumpulan Wang Amanah Negara (Diperbadankan)** sebagai sebuah badan berkanun yang menggantikan struktur Panel sedia ada, dengan Lembaga yang bertanggungjawab mentadbir, mengurus dan melabur Kumpulan Wang.

Dalam tempoh peralihan, pengurusan dana Kumpulan Wang akan terus ditadbir dan diurus oleh Bank Negara Malaysia yang telah menjalankan peranan ini sejak penubuhan KWAN, bagi memastikan kesinambungan.

Di bawah pengurusan BNM, Kumpulan Wang telah berkembang kepada RM22.43 bilion pada akhir tahun 2024 dan dalam tempoh peralihan tiada gangguan kepada pelaburan, kontrak dan operasi Kumpulan Wang; semua aset akan berpindah kepada badan baharu melalui penguatkuasaan undang-undang.

Buat pertama kalinya, RUU ini memperkenalkan peruntukan yang mengikat bagi sumbangan, penggunaan dan pelaburan:

- **Sumbangan berkanun.** Kerajaan Persekutuan diwajibkan menyumbang sekurang-kurangnya 0.1 peratus daripada hasil tahunan yang diunjurkan, selain 2.0 peratus daripada dividen PETRONAS yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan, dan 2.0 peratus daripada duti eksport sumber menyusut yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan setelah menolak penyerahhakan kepada

Kerajaan Negeri. Kadar ini merupakan kadar minimum. Kerajaan Persekutuan boleh menambah sumbangan pada bila-bila masa.

- **Disiplin penggunaan.** Penggunaan dihadkan kepada pendidikan, penjagaan kesihatan, serta mitigasi dan penyesuaian perubahan iklim. Manakala pengeluaran tahunannya tidak boleh melebihi 50 peratus daripada kadar pulangan benar jangka masa panjang yang dijangka, supaya prinsipal terpelihara dan terus berkembang. Pengeluaran melebihi had memerlukan kelulusan Dewan Rakyat.
- **Mandat pelaburan moden.** Kumpulan Wang akan dilaburkan secara berhemat merentasi kelas aset yang dibenarkan, berpandukan Perumpukan Aset Strategik yang diluluskan oleh Menteri.

Menteri Kewangan II, YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata: "Sumber yang kita nikmati hari ini bukan milik kita semata-mata. Kita memegangnya sebagai amanah untuk generasi masa hadapan. Melalui Rang Undang-Undang ini, Kerajaan memperkukuh KWAN sebagai simpanan antara generasi dengan memastikan sumber sumbangan yang lebih konsisten, penggunaan yang lebih berdisiplin serta tadbir urus yang lebih kukuh. Ini akan membolehkan lebih banyak kekayaan negara dipelihara dan dapat diwariskan kepada generasi Malaysia pada masa hadapan."

RUU ini, seterusnya, akan dibentangkan di Dewan Negara.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

17 Julai 2026